



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

CALON-CALON ADALAH DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN SEPERTI BERIKUT :

NAMA JAWATAN	:	AKAUNTAN KANAN
GRED	:	PP3
KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	TETAP
JADUAL GAJI PP3	:	Gaji Minimum Gaji Maksimum
		RM 6,468.00 RM 20,634.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - a. warganegara Malaysia ;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
 - c. (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan / *Malaysian Institute Of Accountant (MIA)/ Chartered Institute Of Accountancy (CIA)* yang diiktiraf oleh kerajaan; dan
 - d. Kepujian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

2. Gaji permulaan berdasarkan struktur gaji Skim Perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Johor di Gred PP3 dan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.

KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai:

- Pengalaman bekerja dalam bidang perakaunan sekurang-kurangnya 5 tahun.
- Mampu mengendalikan sistem perakaunan secara berkomputer.
- Mahir dengan standard perakaunan yang terpakai di Malaysia.
- Boleh menyediakan penyata kewangan yang lengkap.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Bertanggungjawab menyediakan penyata lengkap kewangan organisasi
- Bertanggungjawab menyediakan belanjawan organisasi
- Bertanggungjawab dalam pengurusan pelaburan organisasi
- Bertanggungjawab dalam pengurusan percukaian organisasi

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<http://www.lpj.gov.my>) dan borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke :

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2
81700 PASIR GUDANG**

Semua permohonan hendaklah lengkap dengan **Salinan Sijil, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang disahkan**. Dilampirkan senarai semak untuk dikepilkan bersama borang permohonan.

MAKLUMAT TEMU DUGA

Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Calon yang di senarai pendek untuk menghadiri temu duga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan MQA kelayakan melalui :- <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semak.php>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari dari tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh tutup : 8 Ogos 2018

SENARAI SEMAK:

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 1. | Borang permohonan | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Resume | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Gambar berukuran pasport | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Transkrip | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Sijil dari MQA | <input type="checkbox"/> |
| 7. | Sijil-sijil berkaitan | <input type="checkbox"/> |